

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Anda dikehendaki mengenal pasti jenis ayat di bawah. Nyatakan jenis ayat yang telah dikenal pasti dan tulis jawapan yang betul.

Bil.	Ayat	Jenis Ayat
1	Mereka berkumpul di dewan.	
2	Luqman sedang tidur.	
3	Mereka berada di negara Jepun ?	
4	Di manakah awak bekerja sekarang ?	
5	Keluar dari bilik ini sekarang !	
6	Cis, terimalah tikamanku ini !	
7	Comel kucing itu.	
8	Anjing itu mengejar kucing.	
9	Sampah-sarap dibakar oleh ayah pagi tadi.	
10	Farid sedang membaca buku dan Aisyah sedang mendengar radio.	

(10 markah)

SOALAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Dalam petikan di bawah terdapat **sepuluh (10)** kesalahan ejaan. Kesan kesalahan ejaan tersebut dan betulkan ejaan itu. Anda dikehendaki menyalin semula petikan dan gariskan jawapan anda.

Pra-karsa kementerian pendidikan Malaysia untuk mengaplikasikan pantun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran se-awal sekolah rendah memang amat dipuji. Pantun merupakan satu-satunya bentuk puisi lama Melayu yang unggul dan dinamik. Puisi lama ini berperanan dalam pelbagai jenis kegiatan seharian masyarakat Melayu tradisional, menyampaikan pelbagai inspirasi, pandangan, falsafah dan perasaan pemantunnya. Pantun dapat diucapkan dengan semudah-mudah bahasa bagi hiburan kanak-kanak, seromantis untaian bagi golongan remaja yang bercinta, dan serius dan berfalsafah bagi golongan dewasa yang ingin menyampaikan ilmu, selalunya ilmu agama dan adab.

Pemecahan pantun yang terpecah kepada pembayang maksud dan maksud menyampaikan suatu pandangan alam Melayu yang tersendiri. Pembayang maksud pantun yang selalunya bersendikan imaj alam, bukan sahaja berfungsi sebagai petunjuk bandingan pada baris maksud pantun yang seterusnya. Pembayang maksud mesti mempunyai kaitan dengan maksudnya. Maka kadang-kala, metaforanya agak esoterik dan perlu diinterpretasikan dengan lebih mendalam untuk merasai keindahannya. Pecahan ini seperti memaparkan bahawa "pembayang" beriringan dan bersama-sama dengan "maksud", tidak pernah terpisah.

Hal ini amat penting untuk memahami betapa orang Melayu dahulu tidak memecahkan hal yang esoterik dengan hal yang nyata (realiti) dalam kebenaran hidup. Agama Islam tidak terpisah daripada ilmu dunia. Kematian tidak terpisah daripada kehidupan. Spiritual tidak terpisah daripada fizikal. Kewujudan Tuhan tidak terpisah daripada kewujudan dan peranan manusia. Hal ini menampilkan, orang Melayu jauh daripada mengamalkan sekularisma, lebih-lebih lagi penolakan agama dan Tuhan dalam kehidupan seharian. Pandangan ini seperti sudah dikodkan dengan bestari sekali oleh orang dahulu kita.

(Fadli al-Akiti, *Dewan Sastera*, Julai 2016)

(10 markah)

SOALAN 3

Pisahkan ayat-ayat berikut menjadi **SEPULUH (10)** ayat tunggal.

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bermaksud sebagai pengantar ilmu pengetahuan atau alat menyampaikan ilmu pengetahuan moden. Bahasa melayu berfungsi sebagai bahasa akademik yang lengkap dengan laras bahasa untuk memperkatakan pelbagai hal baharu dalam aneka bidang ilmu moden. Bahasa itu harus mempunyai laras yang khusus untuk menerangkan hal kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan elektronik, dan kejuruteraan mekanikal. Begitu juga dalam bidang kedokteran, bahasa melayu mempunyai laras bahasa untuk memperkatakan hal anatomi, biokimia, dan fisiologi. Laras saintifik ini berbeza pula daripada laras sains sosial kemanusiaan seperti kesusasteraan, sejarah dan seni ukir.

(10 markah)

SOALAN 4

Baca puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan berikutnya.

Desa Warisan

Tiada murai berkicau pagi
Cengkerik pun menyendiri
Tika tirai berlabuh, hatiku gusar
Hilang sudah teman sejati
Membawa diri.
Tiang-tiang tinggi menerangi malam
Enjin rakus mendominasi ruang
Pemuda pemudi ke kota
Mengejar seribu mimpi
Lari dari desa ini
Tiada yang kembali dengan harga diri.
Tahukah cengkerik tiada lagi tempat bersembunyi?
Tahukah murai dahan pauh berganti dawai?
Desa ini sudah hilang seri
Hilang wangi
Tanah merahnya ditarah dibawa lari,
Untuk berdiri cerucuk gergasi
Menara tinggi.
Di sini hilang angin dingin
Desa hanya tinggal nama,
Oleh rakusnya tangan-tangan berkuasa
Kuburan juga akan hilang tanda
Selamat tinggal desa warisan tercinta.

Kalki

Johor Bahru, 2016.

- a. Berikan maksud frasa '*tika tirai berlabuh*' dalam puisi di atas.
(2 markah)
- b. Bincangkan **DUA(2)** sebab golongan muda berhijrah ke bandar.
(4 markah)
- c. Generasi muda ialah golongan yang merupakan teras penting bagi menggambarkan kewujudan negara pada masa akan datang. Huraikan **EMPAT (4)** peranan generasi muda ini dalam membentuk negara maju dan membangun.
(4 markah)

SOALAN 5

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan dan pendapat anda, bincangkan **LIMA (5)** usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melaksanakan pembinaan dan pengembangan bahasa melalui bidang penyiaran.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1956, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai agensi rasmi perancangan bahasa kebangsaan yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha, sejajar dengan tanggungjawab yang diperuntukkan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Ordinan 1959, Pindaan 1978, Pindaan dan Peluasan 1995).

DBP melaksanakan tanggungjawabnya melalui kerja pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan. Kerja pembinaan bahasa dilaksanakan dalam bentuk penyelidikan bahasa dan sastera, penyusunan kamus ekabahasa dan kamus dwibahasa, serta penggubalan istilah dalam pelbagai bidang ilmu dan profesional, termasuk komunikasi dan penyiaran.

Bidang penyiaran menjadi salah satu tumpuan DBP dalam pengembangan bahasa kebangsaan. Kedua-dua sektor, iaitu sektor awam dan swasta terlibat dalam bidang penyiaran kerana fungsi penyiaran yang dikendalikan oleh kerajaan dan juga oleh pihak swasta. DBP menganjurkan kursus kemahiran berbahasa kebangsaan untuk petugas di bahagian kawal selia televisyen. Bidang penyiaran diberi tumpuan perhatian oleh DBP melalui Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Swasta di bawah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera.

Usaha DBP mengekalkan penggunaan sebutan baku dalam bidang penyiaran dan pendidikan perlu disokong. Penyelarasan sebutan baku antara stesen televisyen perlu diadakan. Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan hendaklah memberikan arahan kepada semua stesen televisyen swasta agar menerima pakai Garis Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Media Elektronik Jabatan Penyiaran Malaysia.

Dalam bidang penyiaran, antara kegiatan utama yang telah dilaksanakan termasuklah Bengkel Penilaian Pelaksanaan GBKSS 1996-2000 dan Seminar Bahasa Kebangsaan dalam Media Penyiaran. Antara resolusi yang secara langsung berkaitan dengan bidang penyiaran di negara ini termasuklah DBP mencadangkan penglibatan Bahagian Penguatkuasaan (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,

Koperasi dan Kepenggunaan) dan Kementerian Dalam Negeri dalam penamaan syarikat filem, video, dan muzik. Syarikat rakaman, stesen televisyen, dan RTM hendaklah mengawal penamaan kumpulan muzik, kulit album, dan judul lagu dalam media penyiaran. DBP juga diminta menyediakan garis panduan penamaan tersebut. Penyeragaman tajuk karyawan dalam drama dan filem perlu diperluas kepada semua pihak yang terlibat.

Resolusi bengkel dan rumusan seminar yang telah dianjurkan oleh DBP memperlihatkan gambaran sebenar tahap penggunaan bahasa kebangsaan dalam media penyiaran di negara ini, serta masalah dan cabaran penggunaannya pada masa kini. Perbincangan tentang rumusan seminar itu masih relevan hingga kini dan oleh itu dibincangkan dalam bahagian yang khas di bawah ini, iaitu isu-isu bahasa dalam penyiaran yang masih berbangkit.

(Disesuaikan daripada rencana :*"Peri Pentingnya Penegasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Dalam Bidang Penyiaran Untuk Memperkukuh Asas Citra Kebudayaan Kebangsaan"*, Prof. Dr. Awang Sariyan, September 2011)

(10 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT